




LGM Properties Corporation KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada pelesen-pelesen yang berdaftar dengan sistem MyROL untuk menyertai pembelian getah secara tender atas talian melalui sistem MyROL di Ladang LGM Begia seperti berikut:


NO TENDER/NO LESEN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	MAKLUMAT GETAH	TARIKH / MASA / TEMPAT
LPCBS-24/2025 K/09/17878	Tender Membeli Getah Skrap di Ladang LGM LGM Begia secara atas talian melalui MyROL	Jenis Getah: Skrup (<i>cuplump</i>) Anggaran berat: ± 700 kg Bilangan Hari Menoreh: 16 hari Tarikh Tender Lepas: 30 Oktober 2025	Tarikh Tender: 30/11/2025 (Ahad) Masa Tender Buka: 10.00 pagi Tutup: 11.00 pagi Tarikh Penyerahan: 30/11/2025 (Ahad) pada hari yang sama tender dibuka sebelum jam 4.30 petang. Tempat Penyerahan: Ladang LGM Begia, Jalan Kg Betong, Sungai Semiar, 08200 Sik, Kedah. Berat Maksimum Jambatan Timbang: 50 mt (termasuk berat lori)

Nota: Untuk tujuan pendaftaran, sila berhubung dengan pihak Ladang LGM Begia yang terlibat. Pendaftaran adalah sekali sahaja untuk setiap Stesen. Maklumat lanjut dan proses penawaran harga getah secara tender ini dilakukan secara atas talian di laman web <https://myrol.lgm.gov.my>


 Shahrul Nizam Mohamad Razali
 Ladang LGM Begia
 PMT Pen.Pengurus Ladang

Terma dan Syarat :

1. Hanya pembida yang telah diluluskan permohonan (MyROL) di Ladang LGM Begia sahaja yang layak menyertai tawaran tender ini.
2. Pembida wajib menyemak dan mengesahkan harga yang tepat untuk dimasukkan sebagai Harga Tawaran iaitu dalam format sen/kg. Harga yang dimasukkan adalah sekali sahaja dan tidak boleh ditukar.
3. Semua urusan jual beli adalah muktamad. Tiada pembatalan atau rayuan dibenarkan.
4. Pihak Ladang LGM Begia berhak menolak harga tertinggi yang ditawarkan jika harga tersebut masih di bawah Harga Diminta (Harga Tawaran oleh penjual) dan membuka tender tawaran semula.
5. Tiada pembayaran secara kredit dibenarkan dalam penjualan ini. Pembayaran adalah hanya secara tunai melalui pindahan elektronik ("*electronic transfer*") terus ke akaun bank **LGM Properties Corporation (MBB No Akaun. 514495203483)**
6. Pembida yang berjaya wajib membuat bayaran pendahuluan selepas menerima surat tawaran, di mana bayaran pendahuluan adalah sebanyak 80% daripada anggaran berat. **Pastikan bayaran dijelaskan sebelum timbangan terakhir dan penyerahan pada hari yang sama.** Baki bayaran perlu dijelaskan sebelum getah di bawa keluar dari premis berdasarkan jumlah berat sebenar yang telah disahkan oleh Ladang LGM Begia.
7. Kos memunggah getah ke atas lori ("*loading*") dan kos pengangkutan membawa keluar getah dari premis Ladang LGM Begia adalah di bawah tanggungan pembida berjaya.
8. Pembida yang berjaya diwajibkan membayar yuran pengurusan seperti yang ditetapkan oleh pihak Ladang LGM Begia. Yuran pengurusan ini tidak termasuk di dalam Harga Tawaran yang dipaparkan.
9. Getah skrap yang telah dibeli tidak boleh ditukar/dipulangkan. Tiada pulangan wang akan dikembalikan kepada pembida berjaya.
10. Kualiti getah sekerap dan kadar kandungan getah kering (% DRC) yang dijual adalah "**sebagaimana adanya dan yang tersedia**" pada hari timbang dan serahan. Pihak pembida amat digalakkan untuk melawat premis dan menilai kualiti sekerap terlebih dahulu sebelum menyertai tawaran tender di premis Ladang LGM Begia tersebut.
11. Pembida yang berjaya perlu menyerahkan **Resit Rasmi [Peraturan 42: Peraturan-Peraturan Lembaga Getah Malaysia (Perlesenan Dan Permit) 2014]** semasa urusan pengambilan skrap di Ladang LGM Begia.
12. Segala urusan **penyerahan dan pengambilan skrap** perlu diselesaikan sebelum **jam 4.30 petang** pada tarikh penyerahan yang telah ditetapkan.



Shahrul Nizam Mohamad Razali
Ladang LGM Begia
PMT Pen.Pengurus Ladang